

Staf DUMEX terima Sijil Program Pembangunan Kualiti kerjasama UPM



Majlis penghargaan yang julung kali diadakan di IPTA.

“Pihak kami sangat berterima kasih kepada pihak UPM yang memberi dorongan dalam membantu pihak kami untuk menguatkan keupayaan kakitangan kami dalam memberi peluang kepada kakitangan kami untuk menimba ilmu yang berkaitan dengan bidang kerjaya masing-masing.”

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

SERDANG (21 Mac) - Sembilan belas staf Dumex (Malaysia) Sdn Bhd muncul kumpulan pertama menerima Sijil Program Pembangunan Kualiti yang diperkenalkan syarikat itu dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengarah Urusan syarikat tersebut, Bjorn Lynggaard berkata pihaknya gembira dengan adanya usahama sebegini dengan pihak UPM. Bukan sahaja kakitangan sahaja yang mendapat manfaatnya tetapi juga pada sektor pembangunan industri ini dalam membantu ekonomi Malaysia.

Dengan adanya program ini, pihak pengurusan Dumex berharap program ini membolehkan pekerja meningkatkan pengetahuan dan mengembangkan kemahiran kakitangan di bahagian pemantauan kualiti

“Pihak kami sangat berterima kasih kepada pihak UPM yang memberi

dorongan dalam membantu pihak kami untuk menguatkan keupayaan kakitangan kami dalam memberi peluang kepada kakitangan kami untuk menimba ilmu yang berkaitan dengan bidang kerjaya masing-masing.”

Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Nik Mustapha Raja Abdullah berkata dengan adanya usaha sama sebegini dapat membantu pihak institusi pengajian tinggi dalam membina kerjasama yang utuh antara syarikat luar. Selain itu, ini membantu dalam karier dan membina sifat tanggungjawab pada individu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar turut menyokong usahasama ini adalah satu perkara yang positif kepada pekerja bagi memantapkan lagi kemahiran dan pengetahuan dalam bidang masing-masing. Turut hadir, Ketua Pengarah, Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Md Yunus Razzaly.

9P
BUL
2006